



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,  
75450 Melaka

Tel: 06-2895000

Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207

Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(T)MEL/03/68 Jld.3 (38)  
Tarikh : 23 Oktober 2020  
Bersamaan : 06 Rabiulawal 1442H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Ketua Pusat Pembayar**

Tuan,

**PERMOHONAN PENGECUALIAN ARAHAN PERBENDAHARAAN 70 (a) (iv)  
DAN 73 (i)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Arahan Perbendaharaan (AP) 70(a)(iv) dan AP73(i) telah memberi kuasa kepada Akauntan Negara untuk memberi kebenaran khusus bagi perkara-perkara berikut:

2.1 Memberi kebenaran khusus kepada seorang pegawai untuk menulis dan pada masa yang sama menandatangani Resit Rasmi [ AP70(a)(iv)]; dan

2.2 Memberi kebenaran khusus kepada seorang pegawai untuk menerima pungutan dan pada masa yang sama merekod urusan tersebut ke dalam buku tunai [AP73(i)].

3. Selaras dengan objektif untuk meningkatkan kecekapan proses kelulusan dan memantapkan kawal-selia ke atas PTJ, Akauntan Negara telah menurunkan kuasa kepada Jabatan ini untuk memberi kebenaran khusus bagi perkara-perkara di para 2 di atas.

4. Sehubungan itu, PTJ yang memerlukan kebenaran khusus ini hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan ini dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran 1** yang disertakan bersama-sama surat ini.

5. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pegawai kami Puan Nor Rashidah Binti Kadam di talian 06-289 5086.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Pertingkat Inovasi, Terokai Transformasi, Kuasai Globalisasi"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M),CPA (Aust.))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Negeri Melaka.

shida\MLK-XPE-01\fs\_operasi\FS\_UPD\3.Surat\4.Surat 2020\Permohonan Pengecualian AP70(a)(iv) dan AP73(i)

s.k : Fail Timbul